

# Diskaun tambang ringan beban rakyat

**K**ad Komuter 1Malaysia sangat bermanfaat kepada pelanggan yang sering menggunakan perkhidmatan komuter. Seperti yang kita ketahui, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengumumkan kerajaan bersetuju untuk memperluaskan diskaun 50 peratus kepada semua warganegara ketika pembentangan Bajet 2013 yang lalu.

Kad Komuter 1Malaysia antara inisiatif kerajaan untuk membantu rakyat selain Bantuan Rakyat 1Malaysia (BRIM), Baucar 1Malaysia, Kad Diskaun Pelajar dan sebagainya. Rakyat yang ingin memohon kad tersebut mestilah memenuhi syarat iaitu berpendapatan RM3,000 sebulan dan ke bawah. Pengguna akan mendapat diskaun 50 peratus kadar tambang KTM Komuter untuk tempoh setahun, iaitu mulai 1 November 2012 hingga 31 Oktober 2013.

Penggunaan Kad Komuter 1Malaysia dapat meringankan beban rakyat. Selain itu, ia dapat menggalakkan rakyat menggunakan komuter sekali gus dapat mengurangkan kesesakan jalan raya.

**Nurul Farahana Mohd Radzi**

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)